
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

**HSK 501– TEORI & KAEDAH PENYELIDIKAN DALAM ILMU
SEJARAH**

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jawab SATU soalan sahaja daripada setiap Bahagian. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA soalan hanya TIGA soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

- 2 -

Bahagian A

1. Bincangkan mengapa keghairahan aliran *Annales* untuk menghasilkan sejarah total telah lenyap selepas satu tempoh yang singkat.

[100 markah]

2. "Pensejarahan moden tidak dicipta oleh Ranke. Sebenarnya, semua perkembangan yang berlaku dari kurun ke-16 hingga kurun ke-18 di dunia Barat telah menyumbang kepada pembentukannya." Bincangkan pernyataan ini.

[100 markah]

Bahagian B

3. "Sejarah lisan amat penting di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun kaedah sejarah lisan kurang dilaksanakan di rantau ini." Bincangkan pernyataan ini.

[100 markah]

4. Berdasarkan konteks Asia Tenggara kenal pasti **DUA** cabaran penting yang dihadapi oleh bidang sejarah tempatan dan cadangkan cara-cara untuk mengatasi cabaran tersebut.

[100 markah]

Bahagian C

5. "Aliran tradisional melihat kesejarahan itu pada aspek tertentu sahaja (*history of certain things*), sebaliknya aliran moden menekankan kesejarahan dalam semua perkara (*history of all things*). Dalam konteks kajian sejarah Malaysia, sejauh manakah anda berpendapat aliran moden mampu menghasilkan sejarah yang berlainan daripada tulisan sejarah aliran tradisional?"

[100 markah]

6. Bincangkan pandangan para sarjana tentang *autonomous history* dalam konteks Sejarah Asia Tenggara. Sejauh manakah kolonialisme dan nasionalisme telah menjaskankan gagasan tersebut?

[100 markah]